



Sesi Perbincangan Sistem SPeeD 2.0 Bersama TAHODC

Kota Samarahan: Pada 10 Julai 2023, satu perjumpaan bersama pihak TAHODC telah diadakan bagi pemakluman status terkini proses menaiktaraf sistem SPeeD 2.0 dan penyerahan sepenuhnya sistem SPeeD 2.0 kepada pihak SQRC sebagai pemilik sistem (*System Owner*).


Selaras dengan Amanat Naib Canselor 2023, sistem ini dimantapkan untuk membantu proses pengumpulan dan pemantauan KPI yang telah ditetapkan bagi menyokong Pelan Strategik 2021-2025 UNIMAS. Sistem ini turut ditambahbaik dengan proses analisis data di mana ianya akan dibangunkan di fasa kedua pembangunan sistem.



Sesi perbincangan ini dihadiri oleh Pengarah TAHODC, Ts Latifah Loh Abdullah serta kumpulan pembangun sistem yang diketuai oleh Cik Majina Sulaiman dan turut disertai warga SQRC yang diketuai oleh Timbalan Pengarah SQRC, Prof Madya Dr Lee Nung Kion.

Entrance Audit Dalam ISO 9001:2015 Dokumen Kualiti dan Sokongan

Kota Samarahan: Pada 13 Julai 2023, berlangsung sesi penguditan dalaman bagi dokumen sokongan MS ISO 9001:2015 di SQRC yang diketuai oleh Encik Mohd Amin Mohd Ismail dan ahli-ahli lainnya Encik Lawrance Sengkuai Anak Henry dan Encik Muktar bin Muhmad.



Auditan ini penting dalam memperbaiki keberkesanan kawalan, pengurusan risiko dan proses tadbir urus sesebuah PTj. PTj lain yang turut terlibat di dalam sesi auditan kali ini adalah pihak CALM. Tempoh pengauditan telah bermula pada 3 Julai sehingga 14 Julai 2023 bagi skop auditan Julai 2022 sehingga Jun 2023.

BENGGKEL AUDIT DALAM ISO/IEC 27001:2013 ISMS



SEKILAS-INFO

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko

UNIMAS | STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

**ISO/IEC 27001:2013
INTERNAL AUDITING**

Building competency of internal auditors in assessing the organization's ISMS against the ISO/ IEC 27001 standard.

TRAINER: MR. KHALID BIN LIBAR

17 - 18 JULY 2023
8.30 AM - 4.30 PM

Bilik Serindit,
DeTAR Putra

Kota Samarahan: Unit Kualiti dan Risiko, SQRC telah menganjurkan satu Bengkel Audit Dalam bagi ISO/IEC 27001:2013 Pengurusan Sistem Maklumat (ISMS) pada 17 Julai & 18 Julai 2023. Seramai 20 orang peserta terdiri daripada juruaudit lama dan yang baharu dilantik telah dijemput untuk sama-sama menjayakan penganjuran bengkel pada kali ini. Penceramah yang dijemput iaitu Encik Khalid bin Libar merupakan Senior Executive di SIRIM STS Sdn Bhd.

BENGGKEL PENGEMASKINIAN ACADEMIC & EMPLOYER PEER LIST



Kota Samarahan: Bengkel Pengemaskinian *Academic & Employer Peer List* telah diadakan pada 25 Julai 2023 bertempat di Bilik Serindit, DeTAR Putra di mana ianya dihadiri oleh Ketua Strategi Fakulti, wakil daripada PPP, UNIC dan Pejabat Naib Canselor yang terlibat secara langsung di dalam pengumpulan data. Objektif penganjuran bengkel

ini adalah untuk memperkenalkan sistem baharu yang diwujudkan sebagai bank data *Academic & Employer Peer List* Universiti dan sekaligus menambahkan kaedah pengumpulan data sedia ada yang mana sebelum ini dikumpul secara manual dan tidak dapat dikemaskini oleh PIC terlibat jika berlaku sebarang perubahan pada maklumat.

RISK & QUALITY MANAGEMENT COMMITTEE MEETING



Kota Samarahan: 26 Julai 2023 telah berlangsungnya Mesyuarat *Risk & Quality Management Committee Sarawak Skills* yang telah diadakan di iCATS, Kuching. Pihak UNIMAS yang diwakili oleh Puan Dayang Zuliana binti Abang Abdul Rahman selaku Penyelaras Pengurusan Risiko UNIMAS telah dilantik sebagai ahli di dalam jawatankuasa tersebut bagi membantu memberi pandangan berhubung tatacara pengurusan risiko.

BENGGKEL PEMANTAPAN KUALITI DATA MYMOHES UNIVERSITI AWAM

Putrajaya: Bengkel Pemantapan Kualiti Data MyMoheS Universiti Awam anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah diadakan di Hotel Zenith, Putrajaya pada 26 hingga 27 Julai 2023. UNIMAS telah menghantar dua pegawai SQRC iaitu Penyelaras Data MyMoheS UNIMAS, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri dan Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman ke bengkel tersebut yang diadakan bagi membincangkan isu kualiti data yang perlu diberi perhatian serius. Kualiti data yang dihantar sangat memberi impak kepada pemegang taruh yang menggunakan data tersebut untuk membuat sebarang keputusan. Adalah penting bagi Universiti Awam menghantar data yang berkualiti dan sempurna melibatkan data staf, pelajar, RDC dan Institusi.





SEKILAS-INFO

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko

Kalendar Aktiviti bagi Julai 2023

Bil	Pekara/ Aktiviti	Tarikh
1.	Penghantaran Pelaporan Pelaksanaan Inisiatif di Bawah Pelaksanaan Dasar RMK-12 Bagi Suku Kedua Tahun 2023 Universiti Awam dan Hospital Pengajar Universiti	3 Julai 2023
2.	Perbincangan Sistem SPeeD 2.0 Bersama CITDS	10 Julai 2023
3.	QS World University Ranking 2024: Excellence and Exploration Webinar	10 Julai 2023
4.	Pra-Bengkel Semakan Semula KPI Pelan Strategik UNIMAS	12 Julai 2023
5.	Entrance Audit Dalam ISO 9001:2015 Dokumen Sokongan-SQRC	13 Julai 2023
6.	Pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan (OBB) Universiti Awam (UA) Suku Kedua Tahun 2023	14 Julai 2023
7.	ISO/IEC 27001:2013 Internal Auditing	17-18 Julai 2023
8.	THE Reputation Masterclass Webinar	18 Julai 2023
9.	Penyediaan dan Penghantaran Data MyMoheS Universiti Awam (UA) Bagi Modul Pelajar, Staf, RDC & Maklumat Institusi (Cut Off Date 30 Jun 2023)	24 Julai 2023
10.	Bengkel Pengemaskinian Academic & Employer Peer List	25 Julai 2023
11.	Bengkel Pemantapan Kualiti MyMoheS Universiti Awam	26-27 Julai 2023
12.	Sesi Penyelarasan Data Input bagi QS Sustainability Ranking	27 Julai 2023
13.	Risk & Quality Management Committee Meeting	26 Julai 2023

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH | PROF DR TARMUJI MASRON
TIMBALAN PENGARAH | PROF MADYA DR LEE NIUNG KION | **PENOLONG PENDAFTAR KANAN** | DAYANG MAZINA AWANG BATU | DAYANG ZULIANA ABANG ABD RAHMAN | **PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN** | ADELIN ANN LUBI | **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT KANAN** | MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI | **PENOLONG PEGAWAI TADBIR** | SALMIAH NAHRAWI | **SETIUSAHA PEJABAT** | NUR AISHAH JORI | **PEMBANTU TADBIR KANAN** | NORISA MOHAMAD SAHARI | **PEMBANTU TADBIR** | SITI AFIZAH JAMIL | MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN | **PEMBANTU OPERASI** | ROZAIMI ANIS

eISSN 2948-5088



9 772948 508009



STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko
 Universiti Malaysia Sarawak
 Aras 3, Canselor
 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
<http://www.sqrc.unimas.my/>